HYPERNEB 3%

Sodium Chloride 3% w/v Nebuliser Solution BP

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HYPERNEB 3%
2. Bagaimana HYPERNEB 3% berfungsi
3. Sebelum menggunakan HYPERNEB 3%
4. Cara menggunakan HYPERNEB 3%
5. Semasa menggunakan HYPERNEB 3%
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HYPERNEB 3%
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

APAKAH KEGUNAAN HYPERNEB 3%?

HYPERNEB 3% digunakan untuk memperbaiki pembuangan lendir dalam fibrosis sistik.

Ianya juga digunakan sebagai rawatan ringan hingga sederhana untuk bronkiolitis virus akut pada bayi.

BAGAIMANA HYPERNEB 3% BERFUNGSI

HYPERNEB 3% adalah larutan hipertonik yang ditetapkan oleh doktor untuk *nebuliser* anda bagi membantu membersihkan kahak dari dada anda.

Ianya berfungsi dengan menipiskan kahak dan menjadikannya lebih mudah untuk dibersihkan apabila batuk. Hal ini membolehkan pesakit dengan fibrosis sistik, bronkiolitis dan bronkiolitis virus akut untuk mendapat kelegaan yang sewajarnya.

SEBELUM MENGGUNAKAN HYPERNEB 3%

Bila tidak boleh menggunakan HYPERNEB 3%

Jika berlakunya kecenderungan untuk sukar bernafas atau alahan.

Sebelum Mula Menggunakan HYPERNEB 3%

Untuk memastikan natrium klorida selamat digunakan, maklumkan kepada doktor anda jika anda mempunyai:

- Asma
- Penyakit jantung atau tekanan darah tinggi
- Epilepsi
- Penyakit buah pinggang atau hati
- Sakit kepala migrain
- Apa-apa jenis *edema* (bengkak)
- Sekiranya anda baru menjalani pembedahan atau
- Jika anda dalam diet rendah garam

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, terutama suplemen kalium, diuretik, steroid, ubat tekanan darah, atau ubat-ubatan yang mengandungi natrium.

Anda perlu berunding dengan doktor terlebih dahulu sebelum mencampurkan **HYPERNEB 3%** dengan ubat-ubatan yang lain. Apabila **HYPERNEB 3%** bercampur dengan ubat-ubatan yang lain, selalunya akan terdapat kemungkinan tindak balas kimia yang dapat mengurangkan keberkesanan rawatan.

CARA MENGGUNAKAN HYPERNEB 3%

Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ianya mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ampul sekali guna ini hanya untuk penyedutan dengan peranti *nebuliser* yang sesuai dan tidak boleh diambil secara mulut atau diberikan secara *parenteral*.

Cadangan Dos

4mL perlu diambil 2 hingga 4 kali sehari mengikut keperluan.

Bila dan berapa lama HYPERNEB 3% perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan HYPERNEB 3%

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Oleh kerana penyedutan natrium klorida hanya kadang-kadang digunakan seperti yang diperlukan, anda mungkin tidak berada pada jadual dos. Jika anda menggunakan ubat secara berkala, gunakan dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan.

Bawa bersama risalah ini atau ubat anda supaya doktor tahu apa yang anda telah ambil. Hal ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

SEMASA MENGGUNAKAN HYPERNEB 3%

Perkara yang perlu dilakukan:

HYPERNEB 3% harus digunakan dengan *nebuliser* yang sesuai. Kabus yang terhasil disedut melalui topeng muka atau corong mulut. Doktor akan memberitahu pemilihan *nebuliser* yang sesuai dan cara menggunakannya.

HYPERNEB 3% perlu diambil 20 minit selepas menggunakan *nebulised relievers* (*bronchodilators*).

Cara penggunaan:

1. Sediakan *nebuliser* anda mengikut arahan pengilang dan/atau arahan dos yang diberikan oleh doktor. Pastikan ianya bersih.
2. Ceraikan ampul dari blok dengan hati-hati. Jangan gunakan ubat yang terbuka atau berubah warna.
3. Pegang ampul secara menegak dan putar penutup tersebut untuk membukanya.
4. Picit ampul tersebut sehingga kesemua cecair keluar dari ampul ke bekas *nebuliser*, kecuali doktor ada memberi arahan lain kepada anda.
5. Buang ampul yang telah kosong.
6. Hidupkan *nebuliser* dan sedut kabus secara perlahan-lahan dan mendalam menggunakan topeng muka atau corong mulut. Jika anda menggunakan topeng muka pastikan ianya dimuatkan dengan betul. Pastikan mata anda dilindungi dari terkena kabus kerana ia akan memedihkan mata anda.

7. Jangka masa yang diperlukan untuk menghasilkan kabus bergantung kepada peralatan *nebuliser* yang digunakan. Kabus akan berhenti keluar dari topeng muka atau corong mulut apabila rawatan tersebut selesai.
8. Bersihkan ruang *nebuliser* dengan teliti seperti yang diarahkan pada risalah nebuliser.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan makan sejam sebelum atau selepas terapi *nebuliser*.

Elakkan pemberian cecair beberapa jam sebelum tidur kerana hal ini mungkin akan mengganggu tidur anda.

Jangan beri **HYPERNEB 3%** kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti ubat-ubatan lain, **HYPERNEB 3%** boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Dalam kes-kes yang jarang berlaku, kerengsaan sementara (contohnya batuk) atau pembalikan penyempitan bronkia boleh berlaku.

Doktor akan mencadangkan agar bronkodilator digunakan sebelum rawatan.

Beritahu penjaga anda dengan kadar segera jika anda mengalami:
- sakit dada;
- masalah untuk bernafas;
- perasaan ringan kepala, seperti anda mungkin pengsan;
- bengkak di tangan atau kaki anda.
- keletihan dan kekejangan otot;
- kekeliruan, kadar jantung yang tidak sekata, dahaga yang melampau, peningkatan atau penurunan kadar kencing, ketidakselesaan kaki;
- lemah otot atau perasaan sukar untuk berjalan.

Kesan sampingan biasa yang lain mungkin termasuklah rasa masin atau sedikit radang atau kerengsaan di dalam mulut anda.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN HYPERNEB 3%

Penyimpanan
- Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.

Pelupusan
- **HYPERNEB 3%** adalah ampul sekali guna. Buang semua kandungan yang tidak digunakan.
- Jangan gunakan **HYPERNEB 3%** yang melebihi tarikh luput yang tertera pada ampul dan kotak.
- Jangan gunakan **HYPERNEB 3%** jika cecair tersebut keruh semasa dituang ke dalam bekas nubuliser. Buang ubat tersebut dan basuh bekas *nebuliser* itu sebelum menggantikan ubat yang lain.
- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini

  dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

HYPERNEB 3% adalah cecair cerah dan tidak berwarna. Setiap ampul yang digunakan mengandungi 4 mL *Sodium Chloride 3% w/v Nebuliser Solution BP* yang steril, bebas bahan pengawet dan tidak pyrogenik untuk tujuan penyedutan.

Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
  Natrium klorida

- Bahan tidak aktif
  Air suntikan

Nombor MAL
MALxxxxxxxxXZ

PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

AIN MEDICARE SDN. BHD.,
Jalan 6/44, Kaw. Perindustrian Pengkalan Chepa 2, 16100 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP
12/09/2018

Nombor Siri
(It will be given during evaluation)